

TULISAN: ZURIN M
ZAIN, SEKRETARIAT
MEDIA, SAMBUTAN
KEMERDEKAAN KE-50



WANITA PEJUANG MERDEKA TEMPA LALUAN

TIDAK dinafikan sumbangan wanita dalam pembangunan negara berubah dari semasa ke semasa. Bertambah majunya sesebuah negara, tanggungjawab yang dipikul kaum ibu juga semakin meningkat. Dalam kelompok masyarakat tradisional, wanita hanya berfungsi sebagai pembantu lelaki. Kini, mereka bukan hanya layak dianggap pembantu, malah turut menjadi penentu utama kepada masa depan negara.

Realiti kuasa wanita meliputi lebih 50 peratus suara pengundi.

Jika digabungkan kuasa ini, mereka mampu mengubah senario politik tanah air. Menyedari betapa wanita mempunyai 'kuasa luar biasa' pentadbir negara membuka ruang lebih luas kepada golongan ini untuk bergiat dalam politik.

Jika sebelum merdeka, suara mereka hanya kedengaran di sebalik tabir, selepas 50 tahun negara menyambut ulang tahunnya, kita dapat saksikan wakil wanita berdiri bersama-sama

pemimpin lelaki pada acara rasmi kerajaan.

Wanita hari ini diterima sebagai rakan kongsi dalam menentukan dasar dan arus pembangunan ekonomi serta negara. Bersama kepemimpinan kerajaan yang diterajui Umno dan Barisan Nasional (BN), wanita Malaysia mendapat pengiktirafan dunia. Kita mencapai kejayaan membanggakan walaupun masih banyak yang harus dilakukan untuk memperkukuhkan lagi perjuangan dalam menegakkan agama, bangsa dan negara.



Malaysiaiku Gemilang

Dari sudut sejarah, penyertaan wanita dalam pertumbuhan politik bermula pada mesyuarat agung Umno 1945 apabila tiga tokoh wanita iaitu Putih Mariah Ibrahim Rashid, Zainab Abdul Rahman dan Salena Ali bertemu bagi membincangkan hala tuju wanita Melayu.

Ekoran itu, Jabatan Kaum Ibu ditubuhkan pada 1947 dan diperbesar kepada Pejabat Setiausaha pada tahun berikutnya. Pada 25 Ogos 1949, bertempat di Butterworth, Pulau Pinang, parti

Umno mengadakan Perhimpunan Agung Wakil Wanita bagi menubuhkan Ahli-Ahli Perempuan Umno (APU). Bagi merealisasikan hasrat itu, Putih dilantik sebagai ketua pertubuhan politik wanita pertama di Tanah Melayu.

Kepimpinan APU kemudian diterajui Tan Sri Zainun Sulaiman atau lebih dikenali Ibu Zain. Dengan hanya berbekalkan sekeping peta Tanah Melayu dan sehelai bendera Umno, dia menjejajah negara bagi memberi penerangan mengenai perkembangan politik serta kemerdekaan tanah air. Pada 1954, pucuk kepimpinan bertukar sekali lagi apabila Khadijah Sidek pula dilantik mengetuai pergerakan itu. Dua tahun selepas itu, tempatnya digantikan oleh Tun Fatimah Hashim. Pada tahun berkenaan, nama APU ditukar kepada Pergerakan Kaum Ibu Umno dengan Fatimah sebagai ketua hingga tahun 1972.

Realitinya, peranan wanita semakin menyerlah dalam bidang politik bermula dengan pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan Pertama pada tahun 1955. Pada waktu itu, calon-wanita tunggal, Halimahaton Abdul Majid bertanding dan menang, menjadikannya pencipta rekod sebagai wakil rakyat wanita pertama negara. Pada Ogos 1971, Umno mengadakan Persidangan Agung Khas untuk mencatur corak perjuangan parti. Pada persidangan itu, perlembagaan parti dipinda dan nama Pergerakan Kaum Ibu ditukar kepada Pergerakan Wanita UMNO bagi melambangkan imej dinamik. Fatimah mengundurkan diri pada tahun 1972 dan Tan Sri Aishah Ghani mengambil alih jawatan itu hingga 1984 sebelum diganti oleh Datuk Seri Rafidah Aziz hingga sekarang.

Kejayaan wanita sebagai pemimpin negara berterusan hingga hari ini dengan peningkatan jumlah wakil rakyat wanita. Wanita Umno terus menjadi tunjang parti kerana membentuk lebih separuh daripada bilangan ahli parti, yang antara lain berperanan penting memastikan calon Umno menang dalam pilihan raya. Kekuatan yang disumbangkan oleh wanita Umno membolehkan parti itu dan parti komponen dalam BN membina sebuah negara maju dan stabil dari segi politik. Sejarah dengan itu, adalah menjadi nasar kerajaan meningkatkan lagi martabat wanita di negara ini

yang menunjukkan kemampuan memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara. Satu daripadanya ialah menerusi cetusan ideal Wawasan 2020. TERNYATA hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju begitu tinggi sekali. Pelbagai perubahan dilakukan untuk mencapai matlamat itu dan semua usaha ini hanya akan dapat dicapai dengan jayanya menerusi kerjasama kaum wanita.

Ini kerana apabila bercakap mengenai politik, seorang sarjana Islam pernah mendefinisikan politik sebagai suatu kehidupan manusia. Setiap manusia yang berkecimpung dalam bidang politik perlu terbabit dengan masyarakat. Justeru politik amat berkait rapat antara individu dengan masyarakat. Apabila wanita bergiat dalam politik, penyertaan mereka itu turut menyumbang kepada pembangunan negara. Sememangnya kejayaan wanita hari ini adalah hasil kestabilan politik yang membantu meningkatkan ekonomi negara, sekali gus memberi banyak peluang pekerjaan kepada wanita. Dianggarkan jumlah wanita dalam sektor pekerjaan di negara ini mencecah 45 peratus tetapi sebahagian besar daripadanya bukan membabitkan jawatan penting. Jika dilihat dari sudut pentadbiran negara, daripada 32 orang bertaraf menteri, hanya ada tiga wanita dalam Kabinet, tiga timbalan menteri (daripada 38 orang) dan enam setiausaha parlimen (daripada 22 orang). Di Dewan Rakyat kini hanya ada 18 ahli Parlimen wanita (15 penyokong kerajaan dan tiga pembangkang).

Namun berbanding dengan beberapa negara lain, tidak keterlaluan jika dikatakan wanita Malaysia lebih berpeluang duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi bersama lelaki dalam agenda pembangunan negara. Kita berbangga dengan beberapa wanita seperti Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Datuk Seri Rafidah Aziz yang cukup disegani di peringkat antarabangsa. Penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga yang diumumkan pada 2000 membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap permasalahan wanita negara ini. Presiden Persatuan Siswazah Wanita Malaysia, Datuk Asiah Abu

Samah berkata, kemajuan wanita di Malaysia jelas menunjukkan peningkatan memberangsangkan sejak dua dekad kebelakangan ini terutama dengan lahirnya beberapa nama besar yang menjadi peneraju dalam pelbagai sektor dan bidang. Lihat sahaja nama-nama seperti Profesor Datuk Dr. Maznan Othman, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, Dr. Zaha Rina dan Datuk Maznah Abdul Jalil (sekadar menyebut beberapa nama). Pemilihan mereka untuk menerajui syarikat atau agensi dalam bidang masing-masing membuktikan wanita bukan diangkat sekadar memenuhi kekosongan, sebaliknya kerana memiliki kepakaran dan kemahiran tersendiri.

Hakikatnya, Ketua Pengarah Agensi Angka Negara, Prof Mazlan pernah meletakkan negara dalam peta dunia menerusi bidang sains angkasa yang begitu asing bagi masyarakat negara ini apabila dilantik mengetuai Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk kajian angkasa, di Vienna. Begitu juga dengan Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia, Profesor Datuk Siti Zuraina Abdul Majid yang mengharumkan nama negara dalam bidang itu. Malah, pemilihan Dr. Zeti sebagai Gabenor Bank Negara juga bukan satu kebetulan kerana pernah diiktiraf pada peringkat Asia sebagai Gabenor Bank Terbaik. Dari satu sudut, pelantikan Dr. Zeti bagaikan mempunyai maksud tersirat apabila kawalan kewangan negara dipegang seorang wanita, sekali gus mengiktiraf fungsi wanita yang selama ini menjadi pemegang kewangan dalam sesebuah keluarga.

Paling membanggakan laporan statistik terbaru menunjukkan jumlah wanita yang diterima masuk ke institusi pengajian tinggi adalah lebih 60 peratus berbanding pelajar lelaki. Ini membuktikan wanita hari ini mempunyai kesedaran untuk memperbaiki diri dan tidak mahu lagi ketinggalan dalam pembangunan sejagat.

Hari ini kita juga boleh berbangga kerana ramai wanita yang terbabit dalam pelbagai bidang yang satu ketika dulu dianggap 'tidak sesuai' diceburi, bukan sahaja dalam politik, malah kejuruteraan, kehakiman, kewangan dan pengurusan. Inilah petanda bahawa kedudukan wanita seiring dengan kemajuan negara yang akan mencapai usia 50 tahun kemerdekaan tidak lama lagi. Semoga Malaysia terus makmur.